

DATE: 25/2/2010


Dr M sokong keahlian terus

Cadangan beri banyak manfaat kepada Barisan Nasional

HETHEL (NOR FOLK): Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (B.N) perlu menunjang cadangan menerima keahlian terus kerana ia membawa banyak manfaat pada parti

Bercakap kepada pemberita selepas melawat ibu pejabat pasukan lumba kereta Lotus di sini, kelmarin, beliau berkata, pada masa lalu, BN (ketika itu Parti Perikatan) pernah mengamalkan sistem itu tetapi masalah timbul apabila ahli terus ia itu mereka yang bukan daripada mana-mana parti

"Daam keadaan itu, ahli seperti ini boleh terus menyertai BN kerana pemimpin peringkat rendah yang mungkin bercita-tita menjadi colon, tidak boleh menyekat



komponennya, mahu menjadi calon pilihan raya dan ini tidak disenangi parti komponen.

"Disebabkan itu, keahlian terus Perikatan ini dimansuhkan. Tetapi keadaan mungkin sudah berubah dan sebab itu kita harus menimbaagnya semula." katanya

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bahawa BN akan mengadakan satu konvensyen pengujung tahun ini untuk membincangkan cadangan meminda Perlembagaan BN bagi menerima individu, parti

politik atau NGO yang menyokong BN menjadi ahlinya secara terus.

Dr Mahathir yang juga bekas Presiden Umno dan Pengerusi BN, berkata sesetengah pemimpin peringkat akar umbi mungkin membantah cadangan itu kerana merasakan kedudukan mereka terancam disebabkan kemasukan ahli yang lebih berkeelayakan.

Dalam keadaan itu, ahli seperti ini boleh terus menyertai BN kerana pemimpin peringkat rendah yang mungkin bercita-cita menjadi calon, tidak boleh menyekat" katanya. - Bernama